

21 DEC 2001

Abdullah-Keamanan (Bergambar)

RAKYAT DIMINTA PENUHI IMPIAN PM UNTUK KEKALKAN KEAMANAN NEGARA

PULAU PINANG, 21 Dis (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini meminta rakyat memenuhi impian Perdana Menteri untuk melihat keamanan berterusan di negara ini.

Beliau berkata sudah sewajarnya harapan atau impian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena ulang tahunnya yang ke-76 semalam diberi perhatian oleh rakyat pelbagai kaum bagi memastikan permuafakatan di kalangan mereka terjalin erat.

"Apabila semua kaum bermuafakat dengan baik, tidak akan berlaku rusuhan kaum dan kita boleh menghadapi pelbagai masalah bersama-sama," katanya pada Malam Kenangan Wira yang diadakan sempena ulang tahun ke-45 Persatuan Bekas Pasukan Keselamatan Negara Malaysia (PBPKNM) di sini.

Beliau berkata sebagai seorang pemimpin yang berpengalaman selama 20 tahun menerajui kerajaan, Perdana Menteri sedar bahawa hanya dengan keamanan sahaja negara boleh dibangunkan daripada pelbagai aspek sama ada ekonomi mahupun sosial.

"Sambutlah harapan atau impian Perdana Menteri itu supaya negara tetap aman dan makmur. Tidak ada negara yang berperang boleh membangunkan negara mereka. Hanya bila negara aman sahaja ia boleh dibangunkan, ekonomi bertambah baik dan rakyat akan lebih senang dan bahagia," katanya.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata Perdana Menteri tahu bahawa keamanan merupakan kunci kepada segala kemajuan dan kemakmuran yang dinikmati oleh negara ini.

Abdullah turut meminta generasi muda supaya menghargai pengorbanan dan perjuangan bekas anggota pasukan keselamatan yang telah membebaskan negara daripada ancaman komunis, yang cuba menumbangkan kerajaan yang baru sahaja dipilih oleh rakyat selepas negara mencapai kemerdekaannya.

Katanya tanpa perasaan taat setia dan pengorbanan mereka itu, generasi muda tidak dapat menikmati keamanan dan kesejahteraan seperti yang terdapat pada hari ini.

Kerajaan amat menyanjungi jasa-jasa dan pengorbanan mereka itu dan pada hari ini negara tidak lagi menghadapi ancaman seperti masa lalu, katanya.

Beliau juga menjemput anggota jawatankuasa PBPKNM, yang mempunyai kira-kira 45,000 anggota, datang ke Kementerian Dalam Negeri bagi membincangkan bentuk bantuan yang boleh diberikan kepada anggota persatuan itu sebagai menghargai jasa mereka terhadap negara.

Persatuan itu, yang ditubuhkan pada 1955, dianggotai oleh bekas anggota pasukan keselamatan dari tiga zaman iaitu Perang Dunia Kedua, konfrantasi dan ancaman komunis.

-- BERNAMA

ZU NAK